



IRSYAD FATWA

COVID-19

**BUKU INI MENGANDUNGI AYAT SUCI AL-QURAN
PELIHARALAH KESUCIANNYA**

**EDARAN
PERCUMA**



JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG

Cetakan Pertama 2021

©Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.

IRSYAD FATWA: COVID-19

Semakan & Terbitan
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
Tingkat 48, KOMTAR,
10000 Georgetown,
Pulau Pinang.

Tel: 04-263 2975 Faks: 04-263 2985

<http://mufti.penang.gov.my>
<http://www.efatwa.penang.gov.my>
emel:mufti@penang.gov.my

Konsep, Reka bentuk dan Cetakan

Percetakan Hijrah
No.19, (GF), Jalan Arowana 4,
Kawasan Perniagaan Arowana,
13500 Permatang Pauh,
Pulau Pinang.

Isi Kandungan

Muka Surat

Kata Alu-Aluan	i
Pendahuluan	1
Penjelasan Mengenai Isu Solat Jumaat Dan Aktiviti Di Masjid/Surau Kesan Penularan Wabak COVID-19	20
Hukum Solat Bagi Petugas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Terlibat Dalam Merawat Pesakit COVID-19	29
Garis Panduan Pengurusan Jenazah Dan Majlis Berkaitan Bagi Kematian Bukan Disebabkan COVID-19 Sepanjang Tempoh Perintah Pergerakan Dari 18 Mac Hingga 31 Mac 2020	33
Hukum Suntikan Vaksin COVID-19 Dan Hak Pemerintah Dalam Melaksanakannya	36
Kaedah Melihat Anak Bulan Ramadan, Syawal Dan Zulhijah Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Wabak COVID-19	43
Kaedah Pelaksanaan Ibadah Pada Bulan Ramadan Dan Solat Jumaat Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19 Dan Selepasnya	45
Penyelarasan Kaedah Pembayaran Zakat Fitrah Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Wabak COVID-19	47
Garis Panduan Sambutan Hari Raya Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP COVID-19)	49
Panduan Hukum Berkaitan Ujian Saringan Dan Prosedur Rawatan Pesakit COVID-19 Pada Bulan Ramadan	52
Kedudukan Saf Solat Jemaah Ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP COVID-19)	57
Hukum Mengundi Pilihan Raya Bagi Pesakit COVID-19	64

KATA ALU-ALUAN

Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi, atas perkenan-Nya, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNP) dapat meneruskan penerbitan buku-buku rujukan yang berkaitan dengan hukum syarak untuk kefahaman masyarakat.

Buku ringkas berkaitan COVID-19 ini merupakan himpunan pandangan hukum yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang berkaitan dengan permasalahan yang timbul kesan COVID-19. Penularan COVID-19 telah memberikan kesan yang amat besar dalam kehidupan harian masyarakat, malah ia juga turut memberikan kesan kepada ibadah harian kita.

Dalam maqasid syariah, dinyatakan mengenai keperluan *hifz-an nafs*. Justeru, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang berpandangan beberapa keputusan perlu dibuat demi melindungi dan menjaga nyawa umat Islam kesan dari COVID-19 yang merebak. Di antara ajaran Nabi ﷺ apabila berhadapan dengan masalah penyakit berjangkit adalah pencegahan. Setiap individu dan masyarakat haruslah mengambil langkah-langkah pencegahan dan hendaklah mengelakkan diri dari tempat-tempat awam, termasuk masjid, agar orang yang sihat tidak dijangkiti. Sabda Rasulullah ﷺ:

لَا يُورَدَنَّ مُمْرَضٌ عَلَىٰ مُصِحٍّ

Maksudnya: “Yang sakit janganlah mendatangi yang sihat.”
(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).



Beberapa pandangan hukum telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang dimuatkan dalam buku ini. Antaranya adalah berkaitan aktiviti solat fardu dan solat jumaat, kedudukan saf solat, hukum *swab test* pada bulan Ramadan dan lain-lain lagi. Kesemua pandangan hukum ini dikeluarkan bagi memudahkan masyarakat untuk beribadah serta menghilangkan kekeliruan masyarakat berkaitan dengan isu COVID-19 ini.

Semoga buku yang ringkas ini dapat memberikan sedikit manfaat kepada masyarakat dalam mengharungi wabak COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Pihak kami amat mengalukan sebarang pandangan bagi penambahbaikan terbitan JMNPP.

Sekian, terima kasih.

DATO' SERI DR WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

PENDAHULUAN

Penjelasan Hukum:

Syariat Islam Sesuai Bagi Setiap Zaman dan Tempat

Daripada Abu Hurairah رضي الله عنه berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّ مَثَلِي وَمَثَلَ الْأَنْبِيَاءِ مِنْ قَبْلِي، كَمَثَلِ رَجُلٍ بَنَى بَيْتًا فَأَحْسَنَهُ وَأَجْمَلَهُ، إِلَّا مَوْضِعَ لَبْنَةٍ مِنْ زَاوِيَةٍ، فَجَعَلَ النَّاسُ يَطُوفُونَ بِهِ، وَيَعْجَبُونَ لَهُ، وَيَقُولُونَ: هَلَا وَضِعَتْ هَذِهِ اللَّبْنَةُ، قَالَ: فَأَنَا اللَّبْنَةُ وَأَنَا خَاتِمُ النَّبِيِّينَ

Maksudnya: "Perumpamaanku dibandingkan dengan nabi-nabi lain sebelumku, adalah seperti seorang lelaki yang telah membina sebuah rumah dengan baik dan indah, kecuali satu bata di sudut (yang belum dilengkapkan). Orang-orang mengelilinginya dan menyebut-nyebut akan keindahannya, tetapi berkata: 'Adakah bata ini akan diletakkan pada tempatnya?' Baginda ﷺ bersabda: "Akulah batu bata itu, dan akulah yang terakhir dari para Nabi."

(Sahih al-Bukhari, 3535 dan Sahih Muslim, 2286)

Oleh kerana Rasulullah ﷺ merupakan "bata", iaitu yang dimaksudkan sebagai pelengkap serta Nabi terakhir, baginda ﷺ diutuskan kepada seluruh manusia di muka bumi ini. Ia sebagaimana yang disebut dalam hadis, baginda ﷺ bersabda:

أَعْطَيْتُ خَمْسًا لَمْ يُعْطَهُنَّ أَحَدٌ مِنَ الْأَنْبِيَاءِ قَبْلِي: نُصِرْتُ بِالرُّعْبِ مَسِيرَةَ شَهْرٍ، وَجُعِلَتْ لِي الْأَرْضُ مَسْجِدًا وَطَهْرًا، وَأَيُّمَا رَجُلٍ مِنْ أُمَّتِي أَدْرَكْتَهُ الصَّلَاةَ فَلْيَصِلْ، وَأَحَلَّتْ لِي الْعَنَائِمُ، وَكَانَ النَّبِيُّ يُبْعَثُ إِلَى قَوْمِهِ خَاصَّةً، وَبُعِثْتُ إِلَى النَّاسِ كَافَّةً، وَأَعْطَيْتُ السَّفَاعَةَ

Maksudnya: "Aku diberikan lima perkara yang tidak diberikan kepada orang sebelumku; aku ditolong melawan musuhku dengan ketakutan mereka sejauh satu bulan perjalanan, dijadikan bumi untukku sebagai tempat sujud dan suci. Maka di mana saja salah seorang daripada umatku mendapati waktu solat hendaklah dia solat, dihalalkan untukku harta rampasan perang yang tidak pernah dihalalkan kepada orang sebelumku, dan adalah para Nabi sebelumku diutus khusus untuk kaumnya sedangkan aku diutus untuk seluruh manusia, dan aku diberikan (hak untuk memberi) syafaat."

(Sahih al-Bukhari, 438)

Allah ﷻ telah menjadikan syariat terakhir ini sesuai pada setiap zaman dan tempat kerana ia merupakan syariat kepada seluruh alam. Oleh itu, antara keistimewaan syariat ini ialah ia merangkumi isu-isu semasa, dan aturan hukumnya amat sesuai untuk dipraktikkan biarpun berbeza tempat, masa dan keadaan.

Syariat Islam, ada yang bersifat *thabit* (tidak berubah) seperti perkara-perkara *qot'i* (jelas dan mempunyai satu makna sahaja, tidak terbuka kepada makna dan pentafsiran lain) dan yang telah menjadi ijmak, dan ada yang bersifat *mutaghayyirat* (berubah-ubah) iaitu perkara-perkara *zhonni* (sesuatu yang spekulatif, boleh menerima pelbagai tafsiran dan makna) dan yang berada dalam ruang lingkup ijtihad. Oleh yang demikian, terdapat perkara yang diperincikan syarak, kerana ia perkara *thabit* yang tidak menerima perubahan dan ada yang tidak diperincikan tetapi diterangkan secara umum serta menjadi

kaedah umum yang merupakan neraca dalam menetapkan hukum.

Syariat Islam juga mempunyai ciri-ciri istimewa seperti menghilangkan kesukaran, toleransi, memudahkan, menolak kesulitan dan tidak membebankan dalam pemberian tanggungjawab. Jika terdapat perkara yang sukar dilakukan dan membawa kepada tahap darurat (suatu keadaan yang melebihi batasan dan sekiranya tidak dicegah, maka ia akan mendatangkan kebinasaan), maka disyariatkan *rukhsah* (keringanan) yang membolehkan mukalaf melakukan perkara yang haram (dengan syarat-syaratnya), dan meninggalkan perkara yang wajib, sehingga hilang darurat tersebut. Inilah rahmat dan kemuliaan yang diberikan Allah ﷻ kepada kita.

Terdapat beberapa kaedah yang ditetapkan dalam isu-isu musibah berdasarkan nas al-Quran dan al-Sunnah seperti berikut:

- a) kaedah menghilangkan kesukaran dan toleransi,
- b) kaedah kesukaran membolehkan keringanan,
- c) jika sesuatu perkara itu sempit maka boleh diluaskan,
- d) kaedah mengambil rukhsah lebih utama dari 'azimah kerana hendak menjaga nyawa,
- e) kaedah tidak menimbulkan kerosakan dan memberi kerosakan,
- f) kaedah polisi pemerintah itu hendaklah berasaskan *masalahah* terhadap rakyat, dan;
- g) kaedah pemimpin menghadkan perkara harus pada kadar yang dikhususkan demi menjaga masalahah umum.

COVID-19 dan Kesannya kepada Hukum

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah pun mengisytiharkan bahawa penyebaran wabak COVID-19 di seluruh dunia telah mencapai paras pandemik. Dalam keadaan pesakit baru yang semakin bertambah dan angka kematian yang semakin meningkat, begitu juga keadaan seseorang jemaah yang tidak dapat dipastikan sama ada dijangkiti ataupun tidak, maka dalam keadaan sebegini kita hendaklah mematuhi arahan pihak berwajib. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa, penularan wabak COVID-19 ini ternyata mencetuskan satu ketakutan dan kebimbangan yang tinggi.

Dalam keadaan dan suasana seperti ini, sesuatu hukum itu diputuskan atas dasar kebertanggungjawaban pemerintah berdasarkan kaedah:

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

Maksudnya: “Polisi pemerintah itu hendaklah berasaskan masalah terhadap rakyat.” (Lihat *al-Asybah wa al-Nazair*, hlm. 121)

Para ulama’ menetapkan bahawa segala tindakan yang ditetapkan oleh pihak pemerintah wajib didasari dengan *maslahah* dan kebaikan untuk masyarakat umum seluruhnya, iaitu rakyat yang berada di bawah tadbir urusnya. Sekiranya tindakan tersebut bertentangan dengan tujuan dan objektif yang asal, maka tindakan tersebut dianggap tidak sah dan tidak terpakai dari sudut syarak. (Lihat *Mausu’ah al-Qawa’id al-Fiqhiyyah*, jld.2, hlm.308)

Dalam hal ini, Dar al-Ifta' al-Misriyyah telah mengemukakan pandangan seperti berikut:

فمتم كانت هناك مصلحة عامة لجامعة لشرائطها، فإن تصرف ... الإمام بناء على ذلك تصرف شرعي صحيح ينبغي إنفاذه والعمل به، ولا يجوز التحايل للتخلص منه، ويجب على الرعية السمع والطاعة حينئذ...

Maksudnya: *“Maka apabila terdapat kemaslahatan umum yang menepati syarat-syaratnya maka pengurusan (keputusan) pemerintah yang terbina di atasnya dianggap pengurusan syarak dan benar (diiktiraf sebagai hukum syarak). Ia wajib dilaksanakan dan diamalkan. Tidak harus berhelah untuk tidak melaksanakannya. Adalah wajib atas rakyat mendengar dan mentaatinya...”*

Justeru, dalam konteks semasa, kita tertakluk kepada keputusan yang dibuat oleh pihak pemerintah dalam segala aspek termasuk dalam isu Ibadah.

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) telah diadakan pada 15 Mac 2020 bagi membincangkan isu ini dan kesemua telah bersetuju dengan penangguhan aktiviti masjid dan surau termasuk solat Jumaat dan solat berjemaah, berdasarkan pertimbangan terhadap mudarat yang amat besar.

Perkembangan semasa COVID-19 yang berubah-ubah menuntut kajian dan perbincangan fatwa dari semasa ke semasa berdasarkan keadaan bagi memutuskan hukum-hukum yang berkaitan. Terdapat beberapa garis panduan mengenai

aktiviti keagamaan, surau dan masjid telah dibuat hasil keputusan muzakarah fatwa yang dilakukan.

Kaedah Penentuan Hukum dan Fatwa

Berdasarkan peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, Bahagian iii – Seksyen 54 menyatakan bahawa kaedah penentuan hukum dan pengeluaran fatwa berhubung dengan perkara-perkara kepentingan nasional adalah seperti berikut;

- a) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut *qaul muktamad* (pendapat-pendapat yang diterima) mazhab Syafie.
- b) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut *qaul muktamad* mazhab Syafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut *qaul muktamad* Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.
- c) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun *qaul muktamad* daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijtihad tanpa terikat dengan *qaul muktamad* daripada mana-mana mazhab yang empat itu.

Hukum Mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP)

Mentaati pemerintah merupakan salah satu perkara yang dituntut oleh syarak. Banyak nas baik daripada al-Quran mahupun al-Sunnah yang jelas merujuk kepada perkara ini. Antaranya adalah firman Allah ﷻ:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ...﴾

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "ulil amri" (orang-orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu...*

(Al-Nisa':59)

Sebahagian ulama tafsir dalam kupasan mereka terhadap ayat di atas ini menyatakan bahawa ketaatan kepada ulil amri hanyalah terikat dengan ketaatan mereka kepada Allah ﷻ serta Rasul-Nya ﷺ. Justeru, ketaatan kepada arahan para pemerintah adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang makruf sahaja. Ini bertepatan dengan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Umar ؓ beliau berkata bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ حَقٌّ مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِالْمَعْصِيَةِ فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ

Maksudnya: *Dengar dan taat (kepada pemerintah) itu merupakan suatu perkara yang hak (kemestian), selama mana mereka tidak memerintahkan kepada maksiat. Apabila mereka (pemerintah) mengarahkan kepada maksiat maka tidak wajib dengar dan taat (pada arahan tersebut).*

(Riwayat Al-Bukhari, 2955)

Oleh yang demikian, sekiranya sebarang arahan yang dikeluarkan oleh pemerintah itu merupakan suatu kemakrufan, kebaikan, serta mendatangkan masalah kepada rakyat, sama ada arahan tersebut disukai oleh itu kita atau tidak, namun sekiranya ia bukan maksiat maka **wajib hukumnya arahan tersebut untuk dipatuhi**. Ini bertepatan dengan kaedah fekah yang masyhur:

تَصَرَّفُ الْإِمَامُ عَلَى الرَّعِيَّةِ مُنَوِّطٌ بِالمَصْلَحةِ

Maksudnya: *Urus tadbir pemerintah ke atas rakyat hendaklah terikat dengan masalah.*

Syeikh Syihabuddin al-Qasthallani dalam syarahan beliau ke atas hadis Ibn Umar tersebut menyatakan: “Ketaatan terhadap arahan-arahan mereka (pemerintah) **adalah wajib**, dan ini meliputi para pemerintah umat Islam sama ada di zaman Rasulullah ﷺ dan juga selepas baginda selama mana suruhan tersebut bukan terhadap perkara maksiat”. (Rujuk *Irsyad al-Sari li Syarh al-Bukhari, Al-Qasthallani* jld. 5 hlm. 119).

Berkenaan dengan pematuhan SOP, ia tidak mempunyai unsur maksiat padanya. Ia merupakan arahan yang terbina demi menjaga *masalah* masyarakat serta menghalang kemudharatan berlaku kepada rakyat. Tambahan pula arahan ini dibuat berasaskan kepada pertimbangan *masalah* dan dilakukan dengan terperinci

Asas Pertimbangan dalam Menetapkan SOP

SOP yang dibuat oleh pihak berwajib menggabungkan antara **dapatan kajian daripada pakar**, pengamalan prinsip **menjaga maqasid syariah**, pengeluaran hukum **berpandukan dalil-dalil yang berkaitan**, serta pengaplikasian **kaedah usul fiqh dan kaedah fiqh** mengenai isu berkaitan. Contohnya yang berkaitan dengan kesihatan daripada pihak yang berautoriti iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara serta **pengeluaran hukum berdasarkan kaedah-kaedah fiqh** dan pengamalan prinsip **menjaga maqasid syariah**.

a) Dapatan Kajian Pihak Pakar

Sebelum perbincangan mengenai hukum dihasilkan, kefahaman yang jelas dan terperinci mengenai sesuatu isu itu hendaklah diperolehi terlebih dahulu. Iaitu dengan merujuk kepada golongan pakar dalam isu berkenaan. Berkaitan kesihatan dan keselamatan, maklumat ini perlu dirujuk kepada pakar berkaitan seperti Kementerian Kesihatan Malaysia bagi isu kesihatan dan Majlis Keselamatan Negara bagi isu keselamatan. Hal ini bertepatan dengan ajaran Islam. Allah ﷻ berfirman:

﴿...فَسْأَلُوا أَهْلَ الدِّينِ إِن كُنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya: ...Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui.

(Al-Nahl: 43)

Ayat ini bermaksud, tanyalah wahai orang Quraisy kepada para ulama berkenaan Taurat dan Injil, nescaya mereka akan mengkhabarkan kepada kamu bahawa semua para Nabi ialah manusia jika kamu tidak mengetahui. (Lihat ***Sofwah al-Tafasir***, jld. 2 hlm. 118).

Walaupun begitu, kaedah menyebut:

الْعِبْرَةُ بِعُمُومِ اللَّفْظِ لَا بِخُصُوصِ السَّبَبِ

Maksudnya: “Pengajaran diambil daripada keumuman lafaz, bukan daripada kekhususan sebab”. (Lihat ***al-Mahsul*** jld. 3 hlm. 125).

Justeru, ia tidak terhad kepada pakar kajian kitab Taurat dan Injil sahaja sebaliknya kepada ilmu-ilmu lain juga. Merujuk kepada ahli ikhtisas adalah sebahagian daripada keperluan untuk memahami sesuatu itu dengan gambaran yang jelas dan tepat.

Berkata Syeikh Dr. Yusuf al-Qardhawi: “*Jelasnya merujuklah kepada pakar dan ahli bidang-bidang tertentu jika kamu tidak mengetahui dan memahaminya. Kaedah ini merupakan pedoman hidup sepanjang masa sebagaimana jika seseorang atau salah seorang daripada ahli anggota keluarganya menderita sakit, maka dia akan merujuk dan memohon bantuan orang yang pakar dalam bidang perubatan iaitu doktor. Begitu juga dalam perkara agama, ia mesti merujuk dan meminta nasihat serta petunjuk daripada pakar-pakar yang menguasai ilmu agama iaitu*

para ulama’.” (Lihat **Fatwa antara Ketelitian dan Kecerobohan**, Dr. Yusuf al-Qardhawi, hlm. 45)

b) Maqasid Syariah Sebagai Panduan Menetapkan SOP

Dari sudut bahasa, “maqasid” adalah merupakan kata jamak daripada *maqсад* dan *maqسid* (المقصد) dari perkataan *qasada* (قصد) dalam bahasa Arab yang bermaksud menuju ke suatu arah. Manakala dari sudut istilah syarak, Dr. Ahmad ar-Raysouni pula mendefinasikannya sebagai;

الغايات التي وضعت الشريعة لأجل تحقيقها لمصلحة العباد

Maksudnya: Tujuan-tujuan yang telah ditetapkan oleh syariat bagi merealisasikan kemaslahatan manusia. (Lihat **Nazhariyyatul Maqasid ‘indal Imam as-Syathibi**, hlm. 7).

Dalil yang menunjukkan bahawa wujudnya maqasid syariah ialah *al-Istiqrā’*, iaitu penelitian pada setiap nas yang ada lalu didapati terdapat maksud atau tujuan yang sama dalam setiap pensyariaan yang diturunkan oleh Allah ﷻ. Tujuan dan maksud ini kemudiannya disenaraikan, dibahagikan kepada beberapa kategori dan dibahaskan oleh para ulama.

Antara perkara penting mengenai maqasid syariah mengenai *al-Dharuriyyat al-Khamsah*. Ulama yang terawal menggunakan istilah ini ialah Imam al-Ghazali, beliau menyebutkan:

ومقصود الشرع من الخلق خمسة: وهو أن يحفظ عليهم دينهم ونفسهم وعقلهم ونسلهم ومالهم

Maksudnya: *Dan tujuan Sari'at itu ada lima, iaitu: Untuk memelihara agama, nyawa, 'akal, keturunan dan harta mereka. (Lihat **al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul**, jld. 1 hlm. 174).*

Dengan memahami maqasid syariah, kita akan menyadari bahawa syarak amat menjaga nyawa manusia sehinggakan terdapat pelbagai hukum dalam Islam yang disyariatkan demi menjaga perkara ini. Contohnya: Islam melarang perbuatan membunuh, sama ada membunuh diri sendiri atau manusia lain bagi memelihara nyawa. Hukuman *qisas*, *diyat* atau *kaffarah* dikenakan bagi mereka yang telah melakukan pembunuhan terhadap manusia lain sama ada secara sengaja atau tidak sengaja dan sebagainya. Dalam situasi wabak COVID-19, bilangan kematian mencatatkan angka yang menakutkan, justeru usaha mencegah wabak ini adalah selari dengan kehendak syarak.

c) Dalil-Dalil Dalam Menetapkan SOP

Dalil-dalil utama dalam menetapkan SOP ialah dalil-dalil mengenai pencegahan wabak. Antaranya sabda Rasulullah

ﷺ:

إِذَا سَمِعْتُمْ بِهِ بِأَرْضٍ فَلَا تَقْدَمُوا عَلَيْهِ وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا فِرَارًا مِنْهُ

Maksudnya: “Apabila kamu mendengarnya (wabak) di sesuatu tempat, maka janganlah kamu pergi ke situ. Dan apabila ia berlaku di tempat kamu, maka janganlah kamu keluar lari daripadanya.”

(Sahih al-Bukhari, 5730)

Selain itu, Rasulullah ﷺ turut bersabda:

لَا يُورَدَنَّ مُمْرِضٌ عَلَى مُصِحٍّ

Maksudnya: “Yang sakit janganlah mendatangi yang sihat.”

(Sahih al-Bukhari, 5771 dan Sahih Muslim, 2221)

Dalil-dalil yang dikemukakan ini menunjukkan polisi Islam dalam menghadapi wabak penyakit iaitu dengan memastikan ia nya tidak merebak. Arahan Nabi ﷺ agar yang sakit tidak menghampiri yang sihat, yang sihat tidak menghampiri tempat yang terdapat penyakit. Ia merupakan kaedah mengelak penularan wabak dan tidak terhad kepada cara ini sahaja bahkan apa sahaja yang dilihat mampu mencegah wabak, maka ia dibolehkan. Ia sama sekali tidak bercanggah dengan agama bahkan bertetapan dengan Maqasid Syariah iaitu menjaga *maslahah* nyawa manusia.

d) Kaedah-Kaedah Fiqh dan Usul Fiqh dalam Menetapkan SOP

Terdapat beberapa kaedah fiqh dan usul fiqh yang menepati kehendak al-Quran dan al-Sunnah digunakan dalam penetapan SOP antaranya seperti berikut:

i. سَدُّ الدَّرِيْعَةِ

Maksudnya: Menutup pintu-pintu (ruang yang membawa kepada) kemudahan. Asal kepada penggunaan kaedah ini adalah dengan melihat ma'alat al-af'al (implikasi sesuatu tindakan)

ii. تَصَرَّفُ الإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَةِ مَنْوُطٌ بِالمَصْلَحَةِ

Maksudnya: Tindakan yang dijalankan oleh pemerintah terhadap rakyat bergantung kepada masalah.

Dalil Kaedah:

Rasulullah ﷺ bersabda:

مَا مِنْ أَمِيرٍ يَلِي أَمْرَ الْمُسْلِمِينَ ثُمَّ لَا يَجْهَدُ لَهُمْ وَيُنْصَحُ إِلَّا لَمْ يَدْخُلْ مَعَهُمُ الْجَنَّةَ

Maksudnya: Tiadalah seorang pemerintah itu yang menjaga urusan kaum muslimin lalu beliau tidak berjihad dan menasihati mereka, melainkan akan masuk ke neraka bersama-sama mereka.

(Sahih Muslim, 142)

Dalam konteks ini, pemerintah berhak membuat keputusan berpandukan kepada kemaslahatan rakyat dengan berlandaskan kepada syariat Islam

iii. لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksudnya: Tidak ada sebarang mudarat dan tidak ada juga perbuatan membalas kemudahan.

Dalil Kaedah:

Rasulullah ﷺ bersabda:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksudnya: *Tidak ada sebarang mudarat dan tidak ada juga perbuatan membalas kemudaratan.*

(Al-Muwatta', 31, Sunan Ibnu Majah, 2341)

Kaedah ini bertujuan menghalang seseorang daripada melakukan kemudaratan kepada diri sendiri dan mendatangkan mudarat kepada orang lain. Mendedahkan diri kepada jangkitan COVID-19 boleh mengakibatkan mudarat kepada diri sendiri dan memindahkan virus kepada orang lain. Perkara ini ditegah kerana mendedahkan diri kepada kematian akibat jangkitan virus ini. Penjarakan fizikal ketika solat berjamaah di masjid dan surau seperti yang ditetapkan dalam SOP menepati kaedah ini. Begitu juga ketetapan yang mensyaratkan keizinan solat berjamaah di masjid hanya untuk penerima vaksin walaupun hanya satu dos. Penularan virus ini mudarat yang wajib dihilangkan dengan memutuskan rangkaian penyebaran virus ini kerana ia boleh mengakibatkan kematian di kalangan manusia. Daripada kaedah di atas, adalah wajib menghilangkan mudarat.

iv. الصَّرْرُ يُرَالُ بِقَدْرِ الْإِيمَانِ

Maksudnya: *Mudarat itu wajib dihilangkan dengan seberapa upaya yang mungkin.*

Dalil Kaedah:

- a) Hadis sama yang disebut dalam kaedah ke-iii.
b) Firman Allah ﷻ:

﴿لَا يَكْلِفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا...﴾ (٢٨٦)

Maksudnya: Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya...

(Al-Baqarah: 286)

Ini bererti bahawa sebarang usaha yang benar-benar serius dan efektif dengan sedaya upaya untuk menghilangkan mudarat dan juga bagi mencegahnya daripada berlaku adalah wajib.

- v. الضَّرَرُ الْأَشَدُّ يُزَالُ بِالضَّرَرِ الْأَخْفِ

Maksudnya: Mudarat yang serius dihilangkan dengan mudarat yang lebih ringan.

Dalil Kaedah:

Firman Allah ﷻ:

﴿يَسْأَلُونَكَ عَنِ الشَّهْرِ الْحَرَامِ قِتَالٍ فِيهِ قُلْ قِتَالٌ فِيهِ كَبِيرٌ وَصَدٌّ عَن سَبِيلِ اللَّهِ وَكُفْرٌ بِهِ وَالْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَإِخْرَاجُ أَهْلِهِ مِنْهُ أَكْبَرُ مَنَ الْفِتْلِ وَلَا يَزَالُونَ يَقْتُلُونَكُمْ حَتَّى يَرُدُّوكُم عَن دِينِكُمْ إِنِ اسْتَطَعُوا وَمَن يَرْتَدِدْ مِنكُمْ عَن دِينِهِ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَٰئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ﴾ (٢٧)

Maksudnya: Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) berperang dalam bulan yang dihormati; katakanlah: "Peperangan dalam bulan itu adalah berdosa besar, tetapi perbuatan menghalangi (orang-orang Islam) dari jalan Allah dan perbuatan kufur kepada-Nya, dan juga perbuatan menyekat (orang-orang Islam) ke Masjid Al-Haraam (di Makkah), serta mengusir penduduknya dari situ, (semuanya itu) adalah lebih besar lagi dosanya di sisi Allah. Dan (ingatlah), angkara fitnah itu lebih besar (dosanya) daripada pembunuhan (semasa perang dalam bulan yang dihormati). Dan mereka (orang-orang kafir itu) sentiasa memerangi kamu hingga mereka (mahu) memalingkan kamu dari agama kamu kalau mereka sanggup (melakukan demmikian); dan sesiapa di antara kamu yang murtad (berpaling tadah) dari agamanya (agama Islam), lalu dia mati sedang ia tetap kafir, maka orang-orang yang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, kekal mereka di dalamnya (selama-lamanya). (Al-Baqarah: 217) (Lihat **al-Qawaid al-Fiqhiyyah Ali Ahmad an-Nadwi**, hlm. 314)

Ini bererti bahawa pada asalnya Islam melarang sebarang bentuk mudarat dan juga mendatangkan mudarat. Tetapi sekiranya bagi menghilangkan sesuatu mudarat besar dengan terpaksa menimbulkan mudarat kecil maka syariat mengharuskan mengambil mudarat

kecil atau ringan demi menghapuskan dan mencegah daripada mudarat yang serius dan yang lebih besar.

e) Vaksin Bukan Syarat Sah Solat Jemaah, Tetapi Arahan Pemerintah Bagi Menjaga Masalah Ummah

Syarat sah solat berjemaah telahpun ditetapkan oleh para ulama dalam kitab-kitab fiqh. Mengenai SOP berkaitan solat berjemaah, ia nya bukanlah syarat sah akan tetapi garis panduan yang diwujudkan bagi memastikan nyawa manusia dapat dijaga serta dipelihara. Ia digubal setelah mendapat penjelasan daripada para pakar kesihatan yang berautoriti dan perbincangan dengan para ulama. Oleh yang demikian, **jika seseorang itu melakukan solat berjemaah tanpa memenuhi SOP yang ditetapkan, solatnya tetap sah namun beliau dikira berdosa** kerana telah melanggar arahan pemerintah.

Siri Penerangan Fatwa 1

**PENJELASAN MENGENAI
ISU SOLAT JUMAAT DAN AKTIVITI
DI MASJID/SURAU KESAN PENULARAN
WABAK COVID-19**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2020 yang telah bersidang pada 22 April 2020M bersamaan 28 Syaaban 1441H telah memutuskan seperti berikut:

1. Semua aktiviti di masjid dan surau termasuk solat Jumaat, solat berjemaah, kuliah dan ceramah hendaklah ditangguhkan untuk tempoh 15 hari bermula pada 17 hingga 31 Mac 2020.
2. Sepanjang tempoh tersebut azan lima waktu solat fardu hendaklah diteruskan seperti biasa oleh bilal yang bertugas dengan gantian seruan *hai'alatain* (حي على الصلاة، حي على الفلاح) kepada (صَلُّوا فِي بُيُوتِكُمْ) yang bermaksud "solatlah di rumah kamu". Ini berdasarkan hadis riwayat al Bukhari (668) dan Muslim (699) daripada Ibnu Abbas رضي الله عنه. Lafaznya adalah seperti berikut:

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ
صَلُّوا فِي بُيُوتِكُمْ، صَلُّوا فِي بُيُوتِكُمْ
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

3. Sepanjang tempoh tersebut semua masjid dan surau dinasihatkan untuk melaksanakan operasi pembersihan dan penyahkuman sebagai langkah-langkah mengelak jangkitan kuman.

4. Sepanjang tempoh tersebut juga, semua ahli kariah hendaklah menunaikan solat Zuhur pada hari Jumaat dan solat fardu lima waktu di rumah masing-masing.
5. Pelanjutan atau penamatan tempoh lima belas hari berkenaan tertakluk kepada nasihat dan pandangan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang.
6. Sekiranya berlaku kematian akibat virus COVID-19, pengurusan jenazah hendaklah dilaksanakan mengikut keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-107 yang bersidang pada 10-11 Februari 2015 mengenai hukum Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Disyaki Atau Disahkan Dijangkiti Virus Ebola (Ebola Virus Diseasas: EVD) Di Malaysia. Pengecualian dan kelonggaran (rukhsah) diberikan sekiranya terdapat keadaan-keadaan yang boleh menimbulkan kemudaratan kepada nyawa manusia yang menguruskan jenazah tersebut. Jenazah boleh diuruskan melalui prosedur tayamum yang paling ringan risiko dan kesan bahayanya seperti melakukan tayamum hanya atas permukaan beg jenazah atau pembalut plastik yang membalut jenazah tersebut sahaja.
7. Semua umat Islam dinasihatkan untuk melaksanakan qunut nazilah dan solat hajat di rumah masing-masing bagi memohon keselamatan dan kesejahteraan.

Beberapa pendalilan dan hujah yang berkaitan dengan perkara tersebut telah dibincangkan. Antaranya adalah seperti berikut;

1. Format Azan Ketika Berlakunya Halangan Untuk Solat Berjemaah

Para ulama Syafieyyah berkata bahawa semasa berlakunya halangan untuk menunaikan solat berjemaah di masjid, disunatkan muazin untuk melaungkan azan dengan tambahan lafaz:

أَلَا صَلُّوا فِي رِحَالِكُمْ

Maksudnya: “Ketahuilah! Solatlah di rumah kalian.”

Atau:

أَلَا صَلُّوا فِي رِحَالِكُمْ

Maksudnya: “Solatlah di rumah kalian.”

Atau:

صَلُّوا فِي بُيُوتِكُمْ

Maksudnya: “Solatlah di rumah kalian.”

Berkata Imam al-Nawawi dalam *Raudhah al-Tolibin* (1/208-209): “Pengarang kitab *al-Uddah* – yakni al-Ruyani – berkata: Sekiranya pada waktu malam itu hujan lebat, atau berlaku ribut kuat dan terlalu gelap, maka disunatkan untuk menyebut juga setelah selesai azan – *ala sollu fi rihalikum*. Namun, jika disebut semasa azan selepas *al-haila`ah* – yakni *hayya ala al-solah* dan *hayya ala al-falah* – tiada masalah (tetapi lebih utama selepas solat). Inilah pendapat al-Soidalani, al-Bandaniji, al-Syasyi dan selain mereka. Imam al-Haramain tidak menyukai lafaz itu dibaca semasa azan selepas *al-haila`ah*. Itulah yang betul dan menepati Sunnah. Imam al-Syafie telah menaskan pada akhir bab azan,

dalam kitab *al-Umm*: telah sabit dalam *al-Sahihain* [al-Bukhari dan Muslim] riwayat daripada Ibn Abbas رضي الله عنه bahawa beliau berkata kepada tukang azan pada hari hujan turun dengan lebat: “Apabila anda sudah melaungkan *Asyhadu anna Muhammadar Rasulullah*, maka jangan ucapkan *hayya `ala al-solah*, sebaliknya sebutkan *sollu fi buyutikum* (solatlah di rumah kalian). Ada orang ramai yang mengingkari hal itu. Lalu Ibn Abbas berkata; “Kalian pelik dengan hal ini? Inilah yang dilakukan oleh orang yang lebih baik daripada diriku – yakni Nabi ﷺ.”

Perkara ini boleh *dikiaskan* kepada apa yang berlaku kepada rakyat Malaysia ketika ini apabila kita sedang diuji dengan penularan wabak COVID-19 yang menyebabkan masjid dan surau tidak dapat digunakan untuk solat berjemaah demi membendung jangkitan yang boleh membawa maut.

2. Adakah lafaz *haila`ah* perlu ditukar?

Sebahagian ulama Syafieyyah, dan ulama mazhab lain, memahami bahawa hadis di atas perlu difahami secara zahir yakni lafaz *al-haila`ah* diganti terus dengan seruan agar solat di rumah. Hal ini dibantahi oleh ulama seumpama Syeikh al-Islam, Imam Zakariyya al-Ansari: “Berkata pengarang *al-Muhimmat* – yakni al-Isnawi -: hadis ini menunjukkan bahawa lafaz itu menggantikan *al-haila`ah*, bertentangan dengan apa yang dibawakan oleh al-Nawawi yang mengatakan perlu dibaca selepas azan. Isu ini dijawab bahawa hadis berkenaan makna sebenarnya ialah jangan membaca semata-mata *hayya `ala al-solah* secara tunggal.” Rujuk ***Asna al-Matolib*** (1/133)

Ini bermaksud kenyataan Ibn Abbas bukanlah bertujuan untuk menggantikan sebaliknya melarang bacaan azan dilaungkan tanpa menyebut *sollu fi rihalikum*.

Hal ini dihuraikan lagi oleh Imam Ibn Hajar al-Haitami, seperti mana dinukilkan oleh al-Abbadi dalam ***Hasyiah Tuhfah*** (jld. 1, hlm. 481): *“Pensyarah – yakni al-Haitami- telah berkata dalam Syarh al`Ubab: makna jangan sebut hayya ala al-solah ialah jangan tinggalkan bacaan itu, bukan bermaksud untuk menggantikannya. Maka ini tidak menafikan pendapat para ulama yang mengatakan ia dibaca selepas azan. Ini kerana jika ia dibaca dengan menggantikan dua haila`ah – yakni hayya `ala al-solah dan al-falah – atau salah satu daripada keduanya maka azan itu tidak sah. Sedangkan sebahagian ulama cenderung untuk mengambil zahir hadis agar menggantikan terus hai`alatayn, atas alasan kedua-dua lafaz itu ialah seruan untuk solat, maka bagaimana boleh diterima bahawa tukang azan menyeru mereka datang untuk solat, tetapi selepas itu menyuruh mereka untuk solat di rumah mereka? Maka hal ini dijawab balas, kedua-dua lafaz itu bukan seruan untuk solat di tempat azan, tetapi seruan untuk melaksanakan solat pada tempat orang yang mendengar. Pendapat ini dikuatkan dengan lafaz hadis daripada al-Sahihain bahawa baginda menyuruh tukang azan agar menyeru untuk solat kemudian menyeru agar solatlah di rumah mereka.*

Hasil daripada perbincangan ini, sesungguhnya *al-hai`alatayn* itu sabit sebagai syarat sah azan berdasarkan nas. Sedangkan dalil yang hendaklah menggugurkannya itu adalah tunggal dan khas, lagi mempunyai *ihtimal* (kemungkinan

pentafsiran), maka ia tidak kuat untuk menolak perkara yang sabit lagi tidak mempunyai *ihtimal*.”

3. Menjawab Lafaz Azan *Sollu Fi Rihalikum*

Tidak ada nas al-Quran dan al-Sunnah, serta ijmak yang menukikan lafaz khusus untuk menjawab lafaz *sollu fi rihalikum*. Akan tetapi berdasarkan *qias*, maka para ulama mengatakan sunat menjawab dengan *al-haiqalah* – yakni *la haula wala quwwata illa billah* – kerana *qias* dengan *al-hai`alah*. Inilah pendapat Imam al-Isnawi dalam *al-Muhimmat* dan dipersetujui oleh ramai ulama. [Rujuk **Fath al-Wahhab** (jld. 1, hlm. 41) oleh Imam Zakariyya al-Ansari; **Mughni al-Muhtaj** (jld. 1, hlm. 329) oleh Syeikh al-Khatib al-Syarbini; **I`anah al-Tolibin** (jld. 1, hlm. 236) oleh Syeikh Abu Bakar al-Dimyati.]

Pendapat ini munasabah kerana jika lafaz *sollu fi rihalikum* dibaca dalam azan, ia dibaca selepas *al-hai`alah*.

4. Hukum Meninggalkan Solat Jumaat

Mendirikan solat fardu Jumaat secara berjemaah di masjid atau surau Jumaat sementara adalah merupakan suatu kewajipan kepada setiap Muslim mukalaf yang cukup syaratnya. Namun begitu, tuntutan menghadiri solat Jumaat secara berjemaah ini diberikan keringanan kepada mereka yang mempunyai keuzuran berdasarkan ketetapan syarak untuk tidak menghadirinya.

Imam al-Nawawī ﷺ menjelaskan dalam kitab *al-Majmū`* bahawa terdapat beberapa keuzuran yang menjadi sebab gugurnya solat berjemaah, sama ada solat tersebut solat sunat atau solat yang wajib:

(أما حكم المسألة) فقال أصحابنا: تسقط الجماعة بالأعذار سواء قلنا إنها سنة أم فرض كفاية أم فرض عين

Maksudnya: “(Ada pun mengenai hukum masalah ini) Maka sahabat-sahabat kami (iaitu ulama al-Syafieyyah) berkata: Solat berjemaah dikira gugur dengan keuzuran, tidak kira sama ada kita mengatakan itu solat sunat atau pun fardu kifayah atau pun fardu ain...” (Lihat **Al-Majmū’**, juz. 4, hlm. 98)

Beliau turut menegaskan bahawa faktor-faktor yang diterima sebagai keuzuran yang membolehkan solat berjemaah ditinggalkan juga diterima sebagai keuzuran yang membolehkan solat jumaat tidak dilaksanakan:

من الأعذار المرخصة في ترك الجماعة، يرخص في ترك الجمعة

Maksudnya: “Di antara keuzuran yang menjadi penyebab solat berjemaah itu boleh ditinggalkan, ia diterima sebagai satu keringanan untuk ditinggalkan solat Jumaat.” (Lihat **Rauḍah Al-Tālibīn**, juz. 1, hlm. 146)

Terdapat beberapa keadaan yang membolehkan rukhsah (keringanan) untuk meninggalkan solat jemaah bahkan meninggalkan solat Jumaat, antaranya sebab-sebab umum seperti hujan yang sangat lebat dan jalan berlumpur, begitu juga kegelapan yang menyebabkan manusia tidak dapat melihat jalan. Terdapat juga sebab-sebab berbentuk khusus seperti sakit, takut keselamatan diri, keluarga dan harta, memakan makanan yang berbau busuk, tidur nyenyak hingga tidak sedar dan lain-lain lagi.

5. Qunut Nazilah

Qunut Nazilah ini dilakukan apabila berlakunya bala atau ancaman. Nabi Muhammad ﷺ pernah melaksanakan qunut nazilah selama sebulan dalam peristiwa Ri'lin dan Zakwan seperti mana dalam hadis yang masyhur.

Para ulama' menyatakan bahawa qunut nazilah turut dibolehkan apabila berlakunya penyakit, wabak atau bencana ke atas umat Islam. Imam al-Nawawi berkata: "Disyariatkan qunut dalam kesemua solat fardu disebabkan *nazilah* (kejadian tertentu yang berlaku) dan bukanlah (ia dibaca) secara mutlak (yakni tanpa sebarang sebab)." (Lihat *Minhaj al-Talibin*, jld. 1, hlm. 222)

Manakala Imam Ibn Hajar al-Haitami dalam mensyarahkan kata-kata Imam al-Nawawi di atas berkata: "Sama ada *nazilah* (kejadian yang berlaku) itu bersifat umum atau pun perkara khusus yang melibatkan masyarakat umum yang mana kemudaratanya akan melibatkan umat Islam seperti wabak dan juga taun, demikian juga hujan lebat yang memudaratkan." (Lihat *Tuhfah al-Muhtaj*, jld. 2, hlm. 68)

Oleh itu, dalam musibah yang begitu besar seumpama ini, maka sudah tentu membaca qunut nazilah tidaklah menjadi kesalahan, bahkan dibolehkan.

Siri Penerangan Fatwa 2

**HUKUM SOLAT BAGI PETUGAS
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
YANG TERLIBAT DALAM
MERAHAT PESAKIT COVID-19**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2020 yang telah bersidang pada 22 April 2020M bersamaan 28 Syaaban 1441H telah memutuskan seperti berikut:

Bagi para petugas hospital yang terlibat secara langsung dalam merawat kes-kes COVID-19 di hospital harus melakukan solat fardu semasa kritikal dengan panduan berikut:

1. Hukum menjamakkan solat untuk mereka yang terlibat sebagai *frontliner* atau petugas bagi menangani wabak COVID-19 khususnya di tempat awam seperti di hospital dan lain-lain adalah **harus**.
2. Ia adalah merujuk pandangan sebahagian fuqaha mazhab al-Syafie dan pandangan fuqaha mazhab Hanbali yang menyebut akan keharusan menjamakkan solat disebabkan keuzuran atau tugas yang penting.
3. Namun begitu ada beberapa garis panduan berkaitan solat jamak yang perlu diikuti oleh para petugas COVID-19, seperti berikut:
 - a) Solat hendaklah dilaksanakan secara sempurna di dalam waktunya jika tiada halangan syarie ataupun darurat.
 - b) Jika keadaan mendesak dan seseorang itu mampu melaksanakan solat secara *Jamak Suri* (صوري), iaitu seseorang itu mampu melewati solat Zuhur atau Maghrib sehingga ke akhir waktu solat serta solat Asar dan Isyak di awal waktu, ia adalah lebih utama.

- c) Jika dibimbangi seseorang itu tidak mampu melaksanakan *Jamak Suri*, bolehlah dia melaksanakan solat jamak tanpa qasar, sama ada secara *taqdim* atau *ta'khir* bergantung kepada kesesuaian waktu bertugas.
- d) Jika keadaan darurat sehingga tidak memungkinkan dia mengambil wuduk atau bertayamum, maka hendaklah dia melaksanakan solat tanpa kedua-duanya (wuduk atau tayamum) sebagai solat hormat waktu. Ia hendaklah dilaksanakan pada waktu tamat bertugas atau waktu rehat sebelum kembali bertugas. Namun, solat dalam keadaan tersebut hendaklah *diqadha* semula.

Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada para petugas Kementerian Kesihatan Malaysia yang bertungkus-lumus berusaha menyelamatkan nyawa rakyat Malaysia.

Beberapa pendalilan dan hujah yang berkaitan dengan perkara tersebut telah dibincangkan. Antaranya adalah seperti berikut;

1. Sheikh Abdurrahman al-Mubarakfuri menyebut, sesiapa yang ada keuzuran maka diharuskan untuk dia menjamakkan solat. Adapun bagi mereka yang ada keuzuran akan tetapi tidak mahu menjamakkan solat sehingga meninggalkan solat maka dia berdosa tanpa syak lagi. (Lihat ***Tuhfah Al-Ahwazi Syarah Jami' Al-Tirmizi***, jld. 2, hlm. 205)

2. Imam al-Nawawi menukilkan pandangan sebahagian ulama mazhab al-Syafie seperti al-Qadhi Husain, Abu Sulaiman al-Khattabi, al-Ruyani, Abu Qasim al-Rafi'i dan lain-lain. Mereka menyatakan bahawa harus untuk menjamakkan solat kerana keadaan yang gawat, ketakutan dan sakit. Boleh dilakukan sama ada secara *taqdim* dan *ta'akhir*. Keluasan ini diberikan adalah kerana ingin memberikan keringanan kepada mereka yang terlibat atau ditimpa sebab-sebab tersebut. Bahkan keadaan seperti gawat dan takut adalah lebih utama daripada hujan. (Lihat ***Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab***, jld. 4, hlm. 263)
3. Al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani meng*qi*askan dengan kebolehan melakukannya tetapi bukan bersifat adat atau kebiasaan, tetapi kerana wujudnya sebab-sebab tertentu.
4. Atas asas ini, jika dalam situasi petugas-petugas yang merawat pesakit COVID-19, di mana dengan faktor pekerjaan yang terlalu padat dan ketat, serta dalam keadaan masa yang begitu terhad, maka para ulama' menyatakan harus untuk jamak ketika dalam keadaan seperti itu.

Siri Penerangan Fatwa 3

**GARIS PANDUAN
PENGURUSAN JENAZAH DAN
MAJLIS BERKAITAN BAGI KEMATIAN
BUKAN DISEBABKAN COVID-19
SEPANJANG TEMPOH PERINTAH
PERGERAKAN DARI
18 MAC HINGGA 31 MAC 2020**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2020 yang telah bersidang pada 22 April 2020M bersamaan 28 Syaaban 1441H telah memutuskan seperti berikut:

1. Bagi kematian yang berlaku di hospital, jenazah hendaklah diuruskan (mandi dan kafan) di hospital.
2. Bagi kematian yang berlaku di rumah, hendaklah mendapat khidmat nasihat daripada Pegawai Kesihatan sama ada perlu diuruskan (mandi dan kapan) di hospital atau di rumah.
3. Solat jenazah hanya dibenarkan di rumah/premis persendirian.
4. Solat jenazah hendaklah dilaksanakan dengan bilangan jemaah yang terhad iaitu terdiri daripada Pegawai Masjid dan ahli keluarga terdekat sahaja serta diringkaskan solat (tanpa doa selepas salam).
5. Urusan pengebumian hendaklah diuruskan dengan bilangan anggota yang semimum mungkin berserta ahli keluarga terdekat sahaja.
6. Majlis tahlil dan kenduri arwah adalah tidak dibenarkan.

Namun bagi kes yang tidak dapat dielakkan dan memerlukan pengurusan jenazah dilaksanakan di masjid/surau seperti kematian yang berlaku di rumah yang tidak mempunyai ruang yang sesuai bagi urusan mandi dan kafan, maka ia hendaklah mematuhi arahan berikut:

1. Jenazah hendaklah dimandikan dan di kapankan oleh keluarga terdekat sahaja dengan tidak melebihi tiga (3) orang (termasuk seorang Pegawai Masjid/pengurus mayat).
2. Solat jenazah hendaklah dilaksanakan dengan bilangan jemaah yang terhad iaitu terdiri daripada Pegawai Masjid dan ahli keluarga terdekat sahaja serta diringkaskan solat (tanpa doa selepas salam).
3. Urusan pengebumian hendaklah diuruskan dengan bilangan anggota yang seminimum mungkin berserta ahli keluarga terdekat sahaja.
4. Majlis tahlil dan kenduri arwah adalah tidak dibenarkan.

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai 18 Mac hingga 31 Mac 2020. Semua masyarakat Islam di negeri Pulau Pinang hendaklah mematuhi garis panduan ini sehingga arahan rasmi terkini dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Siri Penerangan Fatwa 4

**HUKUM SUNTIKAN VAKSIN COVID-19
DAN HAK PEMERINTAH DALAM
MELAKSANAKANNYA**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 01/2021 pada 13 Rejab 1442H bersamaan 25 Februari 2021M telah bersetuju menerima dan menggunakan keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) kali ke-10 bertarikh 3 Disember 2020M yang memutuskan bahawa:

“Hukum penggunaan Vaksin COVID-19 adalah harus, dan ia wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan pihak berkuasa.”

1. Tindakan mengambil vaksin adalah bertepatan kewajipan menjaga keselamatan nyawa dan mengelak kemudaratan sebagaimana yang ditegaskan dalam syariat berdasarkan sumber-sumber hukum berikut:

- i. Firman Allah ﷻ:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا خُذُوا حِذْرَكُمْ فَانفِرُوا تُبَاتٍ أَوْ تَفِرُوا أٰمِيعًا ﴿٧١﴾﴾

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman, bersedialah dan berjaga-jagalah (sebelum kamu menghadapi musuh), kemudian (bila dikehendaki) maralah (ke medan perang) sepuak demi sepuak, atau (jika perlu) maralah serentak beramai-ramai.”*

(Al-Nisa’: 71)

Dalam konteks semasa mengharuskan suntikan Vaksin COVID-19 juga termasuk persiapan yang dibuat oleh pihak kerajaan dalam memerangi musuh negara ketika ini iaitu pandemik COVID-19 yang telah mengancam banyak nyawa manusia.

ii. Firman Allah ﷻ:

﴿...وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا...﴾ (32)

Maksudnya: "...dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya..."

(Al-Maidah: 32)

iii. Firman Allah ﷻ:

﴿...فَسْأَلُوا أَهْلَ الدِّينِ إِن كُنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ﴾ (43)

Maksudnya: "...Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui."

(Al-Nahl: 43)

Dalam konteks ayat ini, vaksin telah diperakui oleh pakar kesihatan berautoriti sebagai langkah terbaik membendung penularan wabak COVID-19 ketika ini. Vaksin yang ada juga disahkan bebas sumber haiwan yang meragukan. Justeru, vaksin ini menjadi ikhtiar terbaik umat Islam pada waktu ini.

iv. Sabda Nabi ﷺ:

عَنْ أُسَامَةَ بْنِ شَرِيكٍ، قَالَ شَهِدْتُ الْأَعْرَابَ يَسْأَلُونَ النَّبِيَّ ﷺ أَعْلَيْنَا حَرَجٌ فِي كَذَا أَعْلَيْنَا حَرَجٌ فِي كَذَا فَقَالَ لَهُمْ "عِبَادَ اللَّهِ وَضَعَ اللَّهُ الْحَرَجَ إِلَّا مَنْ اقْتَرَضَ مِنْ عَرَضِ أَخِيهِ شَيْئًا فِذَلِكَ الَّذِي حَرَجٌ". فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ هَلْ عَلَيْنَا جُنَاحٌ أَنْ نَتَّذَرِىَ قَالَ: "تَذَارَوْا عِبَادَ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ لَمْ يَضَعْ دَاءً إِلَّا وَضَعَ مَعَهُ شِفَاءً إِلَّا الْهَرَمَ"

Maksudnya: *Diriwayatkan bahawa Usamah bin Sharik berkata: "Saya melihat orang Badwi bertanya kepada Nabi ﷺ: 'Apakah ada keburukan dalam hal itu, apakah ada keburukan dalam hal itu?' Dia berkata kepada mereka: 'Hai hamba-hamba Allah! Allah hanya membuat kerosakan pada perkara yang melampaui kehormatan saudara. Itulah yang berdosa.' Mereka berkata: 'Ya Rasulullah! Adakah berdosa jika kami mendapatkan rawatan?' Dia berkata: 'Carilah rawatan, wahai hamba Allah! kerana Allah tidak menciptakan penyakit, tetapi Dia juga menciptakan kesembuhan, kecuali usia tua.*

(Riwayat Ibn Majah)

v. Pandangan fuqaha' dalam kewajipan seseorang menjaga diri daripada terjebak dalam kemudaratan merujuk kaedah fiqihyah iaitu;

a) (الضرار يزال) iaitu kemudaratan hendaklah dihapuskan, dan

b) (الضرار يدفع بقدر الأمكان) iaitu kemudaratan perlu dibendung semampu yang dapat dilakukan.

2. Berdasarkan prinsip maqasid syariah, mengambil suntikan vaksin adalah suatu usaha dalam memelihara dan menjaga nyawa (حفظ النفس) yang merupakan suatu kewajipan selain daripada menjaga agama, keturunan, akal dan harta. Justeru, umat Islam diseru agar tidak merasa ragu-ragu untuk mengambil suntikan Vaksin COVID-19 sebagaimana yang disarankan oleh pihak yang berautoriti.

3. Selain itu, sebagai rakyat hendaklah patuh dan taat terhadap ketetapan dan tindakan pihak kerajaan (أولى الأمر) dalam melaksanakan Pelan Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dalam usaha mengekang penularan wabak COVID-19 berdasarkan:

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

iaitu tindakan yang dijalankan oleh pemerintah terhadap rakyat demi kemaslahatan.

Dalam konteks ini, pihak kerajaan berhak membuat keputusan berpandukan kepada kemaslahatan rakyat dengan berlandaskan prinsip syariat Islam. Suntikan Vaksin COVID-19 ialah salah satu usaha pihak kerajaan bertujuan untuk menyelamatkan nyawa manusia daripada kematian walaupun masih belum dijangkiti wabak ini. Begitu juga dalam menentukan syarat bagi mereka yang hendak menghadiri sebarang aktiviti pengimaran di masjid-masjid atau surau dan juga sebarang aktiviti di premis-premis awam hanya dibenarkan kepada penerima yang telah lengkap 2 dos vaksin.

4. Berlandaskan sandaran-sandaran hukum di atas maka Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang mengajak masyarakat Islam khususnya di negeri ini bersama-sama membantu mengekang penularan wabak COVID-19 dengan bersedia untuk menerima suntikan vaksin bagi menjaga masalah diri dan masyarakat amnya.

Mudah-mudahan Allah ﷻ melindungi kita daripada musibah dan kemudaratan serta mengangkat musibah COVID-19 yang menimpa negeri dan negara kita pada masa kini.

Kesimpulan

Norma baru yang berlaku telah membawa kepada beberapa perkara yang berbeza dengan apa yang telah kita maklumi, termasuklah dalam perihal ibadah. **Ini bukan bermakna kita telah melanggar agama dan asas-asas fiqh, bahkan sebenarnya secara tidak lansung kita telah diberi peluang untuk memahami hakikat agama dan syariat dengan lebih mendalam.** Garis panduan berkaitan perihal agama dalam tempoh wabak COVID-19 ini satu manifestasi ijtihad para ulama berasaskan dalil-dalil syarak yang sah.

Ingin juga ditegaskan bahawa kaedah-kaedah fiqh dan usul fiqh serta maqasid syariah semuanya bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Beramal dengan maqasid serta kaedah-kaedah ini realitinya adalah beramal dengan panduan al-Quran dan al-Sunnah.

Sebagai rakyat dan orang awam yang inginkan ketenteraman dan kedamaian, kita perlu meyakini dengan segala usaha yang dilakukan serta bersangka baik dengan institusi-institusi agama. Kenyataan individu seseorang tokoh agama, ataupun pandangan-pandangan orang awam tidak boleh mengatasi keputusan yang dilakukan oleh institusi agama yang berautoriti. Ini adalah kerana ia melibatkan ramai tokoh agama yang berwibawa dan dibuat secara perbincangan yang mendalam. Syeikh Ahmad asy-Syakir menyebut: *“Tindakan yang betul dan produktif adalah ijtihad ijtima’i (ijtihad secara berkumpul). Sekiranya idea bertukar dan pendapat bertukar, pandangan yang betul akan muncul, insya-Allah.”*

Suka untuk diingatkan, bahawa antara isu yang juga perlu diberi perhatian ialah arahan pihak pengurusan masjid dan kerjasama sesama anggota kariah. Pihak pengurusan masjid atau surau perlu mempertimbangkan masalah, menerima perbincangan dan mengurus jemaah dengan adil. Manakala anak kariah pula perlu menyatakan pandangan melalui saluran yang betul dan menjauhi rasa tidak puas hati dan mengumpat. Elakkan sifat pentingkan diri sendiri atau merasa pandangannya sahaja yang betul. Jangan jadikan isu-isu ibadah sebagai punca perselisihan dan perkelahian. Belajarlah untuk berlapang dada dan menerima perbezaan pendapat dalam hal-hal agama sebagaimana kita boleh berlapang dada dalam hal-hal dunia. Utamakanlah kemaslahatan awam berbanding kemaslahatan diri sendiri.

Kami akhiri penjelasan ini dengan berkongsi firman Allah ﷻ:

﴿ إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴾

Maksudnya: *Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah, supaya kamu beroleh rahmat.*

(Al-Hujurat: 10)

Semoga Allah ﷻ mengurniakan ilmu dan kefahaman kepada kita dalam melaksanakan segala titah perintah-Nya. Amin.

Wallahu'aklam.

Siri Penerangan Fatwa 5

**KAEDAH MELIHAT
ANAK BULAN RAMADAN,
SYAWAL DAN ZULHIJAH KETIKA PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
WABAK COVID-19**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2020 yang telah bersidang pada 22 April 2020M bersamaan 28 Syaaban 1441H telah memutuskan seperti berikut:

Bersetuju mengenai Kaedah Melihat Anak Bulan Ramadan, Syawal Dan Zulhijah Ketika Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia seperti berikut:

- a. Cerapan anak bulan dilaksanakan di Balai Cerap Pusat Falak Sheikh Tahir Pantai Acheh, Balik Pulau, Pulau Pinang.
- b. Bilangan petugas yang terhad 5-6 orang sahaja yang terdiri daripada:
 - i. Ketua Rombongan / Pegawai Pelapor,
 - ii. 2 orang AJK Rukyah,
 - iii. Pegawai / Kakitangan Falak,
 - iv. Petugas Teknikal / urus setia.
- c. Mematuhi ketetapan pencegahan (SOP) seperti menjaga jarak sosial yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- d. Penggunaan kaedah hisab (pengiraan) sahaja tanpa aktiviti rukyah berdasarkan kriteria Imkanur Rukyah (kebolehnampakkan hilal) adalah alternatif tindakan yang terakhir sekiranya tahap risiko pandemik COVID-19 semakin serius.

Siri Penerangan Fatwa 6

**KAEDAH PELAKSANAAN IBADAH
PADA BULAN RAMADAN DAN
SOLAT JUMAAT SEPANJANG TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
COVID-19 DAN SELEPASNYA**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2020 yang telah bersidang pada 22 April 2020M bersamaan 28 Syaaban 1441H telah memutuskan seperti berikut:

1. Semua aktiviti di masjid dan surau termasuk solat Jumaat, solat fardu berjemaah, solat sunat Tarawih, kuliah, ceramah, majlis berbuka puasa, majlis akad nikah dan lain-lain aktiviti hendaklah ditangguhkan sehingga diisytiharkan keadaan kembali selamat oleh pihak kerajaan. Bagi melaksanakan tuntutan fardu kifayah dalam sesebuah kariah maka dibenarkan solat fardu berjemaah hanya dilaksanakan oleh tiga (3) Pegawai masjid sahaja.
2. Sepanjang tempoh tersebut azan lima waktu solat fardu hendaklah diteruskan seperti biasa sebagaimana panduan yang telah diedarkan sebelum ini bertarikh 17 dan 26 Mac 2020.
3. Sepanjang tempoh tersebut juga semua ahli qariah hendaklah menunaikan solat Zuhur pada hari Jumaat dan solat fardu lima waktu di rumah masing-masing.
4. Pelanjutan atau penamatan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini tertakluk kepada nasihat dan pandangan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Malaysia.
5. Semua umat Islam dinasihatkan untuk memperbanyakkan ibadah di rumah masing-masing secara berjemaah dengan ahli keluarga di samping melaksanakan qunut nazilah, solat hajat dan membaca doa menghindarkan bala bagi memohon keselamatan dan kesejahteraan untuk semua.

Siri Penerangan Fatwa 7

**PENYELARASAN KAEDAH PEMBAYARAN
ZAKAT FITRAH DALAM TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
WABAK COVID-19**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2020 yang telah bersidang pada 22 April 2020M bersamaan 28 Syaaban 1441H telah memutuskan seperti berikut:

1. Kaedah pembayaran Zakat Fitrah Negeri Pulau Pinang adalah mengikut Tatacara Khas Pembayaran Zakat Fitrah 1441 Hijrah Di Waktu Penularan Wabak COVID-19 yang telah dikeluarkan oleh Zakat Pulau Pinang.
2. Kadar Zakat Fitrah adalah mengikut keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2020 iaitu 2 kategori pada dua (2) kadar berikut:
 - a) RM7.00
 - b) RM16.00
3. Pembayaran Zakat Fitrah dalam tempoh PKP adalah digalakkan dibuat secara dalam talian.

Siri Penerangan Fatwa 8

**GARIS PANDUAN SAMBUTAN
HARI RAYA KETIKA
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
(PKP COVID-19)**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2020 yang telah bersidang pada 22 April 2020M bersamaan 28 Syaaban 1441H telah memutuskan seperti berikut:

1. Panduan Solat Hari Raya Aidilfitri Dalam Tempoh PKP

- a) Solat sunat hari raya hendaklah dilaksanakan di rumah masing-masing;
- b) Solat sunat hari raya boleh dilaksanakan tanpa atau dengan khutbah mengikut kemampuan dan kesesuaian;
- c) Hanya dibenarkan berjemaah dalam kalangan ahli keluarga dalam rumah tersebut sahaja;
- d) Ahli keluarga yang baru sembuh dari COVID-19 dan yang diarahkan untuk kuarantin di rumah tidak dibenarkan menyertai solat sunat secara berjemaah. Walau bagaimanapun, kedua-dua individu dalam kategori tersebut boleh melaksanakan solat sunat hari raya secara bersendirian;
- e) Pesakit dan petugas di hospital dibenarkan melaksanakan solat sunat hari raya tertakluk kepada peraturan dan arahan yang ditetapkan oleh pihak KKM;
- f) Bagi petugas yang diamanahkan bertugas di masjid dan surau, mereka boleh melaksanakan solat sunat hari raya tertakluk kepada pekeliling dan arahan yang ditetapkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP).

2. Panduan Takbir Hari Raya Aidilfitri

- a) Takbir hari raya merupakan syiar Islam yang disunatkan untuk dilakukan bermula terbenam matahari pada akhir terakhir Ramadan dan berpanjangan sehingga solat sunat hari raya hendak dilaksanakan;

- b) Takbir hari raya di masjid dan surau hanya dilaksanakan oleh imam, bilal dan siak sahaja atau dengan menggunakan rakaman;
- c) Digalakkan untuk setiap keluarga melaungkan takbir hari raya di rumah masing-masing sehingga sebelum solat sunat hari raya dilaksanakan;
- d) Takbir dari rumah ke rumah pada malam hari raya adalah tidak dibenarkan;
- e) Pengendali stesen radio dan televisyen disarankan untuk menyiarkan rakaman takbir hari raya yang sedia ada dengan meletakkan kapsyen "Rakaman ini telah dibuat sebelum tempoh PKP".

Siri Penerangan Fatwa 9

**PANDUAN HUKUM BERKAITAN
UJIAN SARINGAN DAN PROSEDUR
RAWATAN PESAKIT COVID-19
PADA BULAN RAMADAN**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2020 yang telah bersidang pada 22 April 2020M bersamaan 28 Syaaban 1441H telah memutuskan seperti berikut:

Panduan Hukum Berkaitan Ujian Saringan dan Prosedur Rawatan Pesakit COVID-19 Pada Bulan Ramadan.

1. Hukum Puasa Kerana Menjalani Ujian Saringan Perubatan COVID-19
 - a) Prosedur saringan bagi mengesan penyakit COVID-19 adalah dengan mengambil sampel lendir (*mukus*) yang berada di dalam hidung sehingga ke kawasan *nasopharynx* (rongga hidung paling atas) dan rongga mulut hingga ke kawasan *oropharynx* (anak tekak) adalah tidak membatalkan puasa. Namun mesyuarat mencadangkan supaya puasa tersebut diqadha sebagai langkah untuk keluar daripada khilaf fuqaha’.
 - b) Bagi kes yang tidak mempunyai keperluan mendesak hendaklah ditangguhkan ujian saringan sehingga selepas waktu berbuka puasa.
2. Hukum Puasa Pesakit Positif COVID-19 Yang Tidak Bergejala (Dalam Pemantauan Dan Tidak Perlu Ambil Ubat-Ubatan)
 - a) Pesakit yang positif COVID-19 yang tidak bergejala dan tidak perlu memakan dan mengambil ubat, mereka diwajibkan untuk melaksanakan ibadah puasa;
 - b) Sekiranya tidak mampu melaksanakan ibadah puasa atau sekiranya berpuasa boleh melambatkan kesembuhan atau akan memudaratkan lagi keadaan mereka (atas nasihat

pakar perubatan), maka dalam keadaan ini mereka diharuskan untuk tidak berpuasa; dan

c) Mereka wajib menggantikan puasa yang ditinggalkan setelah berakhir bulan Ramadan mengikut bilangan hari yang ditinggalkan.

3. Hukum Puasa Pesakit Positif COVID-19 Yang Bergejala (Dalam Rawatan Yang Memerlukan Pengambilan Ubat-Ubatan Atau Bantuan Peralatan).

(a) Pesakit yang memerlukan kepada pengambilan ubat-ubatan, mereka diharuskan untuk tidak berpuasa. Namun demikian, mereka disarankan untuk mematuhi panduan kaedah pelaksanaan ibadah pada bulan Ramadan yang telah diputuskan dalam Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-2; dan

(b) Bagi pesakit yang memerlukan kepada bantuan peralatan pernafasan, tiada halangan untuk tidak berpuasa kerana ia nya ialah keuzuran dan rukhsah yang telah disepakati oleh para fuqaha keseluruhannya. Namun demikian, puasa yang ditinggalkan tetap perlu digantikan setelah berakhir bulan Ramadan mengikut bilangan hari yang ditinggalkan.

Beberapa pendalilan dan hujah yang berkaitan dengan perkara tersebut telah dibincangkan. Antaranya adalah seperti berikut;

1. Islam menitikberatkan keselamatan dan kesejahteraan umatnya. Bagi umat Islam yang diuji dengan kesakitan, Islam menuntut agar

segera mencari penawar dan mendapatkan rawatan dengan sedaya mampu kerana setiap penyakit pasti akan ada penawarnya. Rasulullah ﷺ bersabda:

عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً

Maksudnya: “*Daripada Abu Hurairah رضي الله عنه bahawa Nabi Muhammad صلى الله عليه وسلم bersabda: Allah tidak akan menurunkan sesuatu penyakit melainkan Dia akan menurunkan ubatnya.*”

(Riwayat al-Bukhari, 5678)

Imam Al-Khattabi ketika menghuraikan hadis ini menyatakan bahawa hadis ini menunjukkan sabitnya ilmu perubatan dan keharusan mendapatkan rawatan bagi mengubati penyakit, dan ia juga sebagai isyarat bahawa kesakitan dan kesembuhan itu semuanya daripada Allah ﷻ. [Lihat: ***A’lam al-Hadis, Syarah Sahih al-Bukhari***, jld. 3, hlm. 1204]

2. Majma’ al-Fiqh al-Islami dalam salah satu ketetapan berkaitan hukum mendapatkan rawatan menyatakan bahawa mendapatkan rawatan adalah wajib sekiranya apabila meninggalkannya (rawatan) boleh membawa kepada kematian atau kehilangan anggota tubuh atau lemahnya tubuh badan, atau sekiranya ditimpa penyakit yang boleh berpindah kepada orang lain seperti penyakit berjangkit. [Lihat: ***Qarar Majma’ al-Fiqh al-Islami***, No. 2148, jld. 3, hlm. 563] Justeru, umat Islam di negara ini yang mempunyai gejala dan hubungan rapat dengan pesakit positif COVID-19, mereka hendaklah mendapatkan rawatan segera meskipun mereka berada pada bulan Ramadan.

3. Sekiranya terdapat prosedur rawatan yang perlu dilalui dan akan membawa kepada batal puasa, ia nya juga adalah **harus dan tidak berdosa** sama sekali mereka meninggalkan puasa, bahkan mereka wajib mengikuti dan melalui prosedur saringan pengesanan penyakit dan rawatan COVID-19, sebagaimana ditetapkan oleh kerajaan. Perkara ini adalah selaras dengan kaedah fiqh;

أن كل ما تعيّن طريقاً للسلامة في الحال وسبباً للعافية في المال فهو واجب شرعاً
وعقلاً

Maksudnya: *“Kesemua perkara (tertentu) yang menjadi laluan kepada kesejahteraan hari ini, dan penyebab kepada mendapat kesihatan yang sempurna pada masa hadapan, maka ia adalah wajib di sisi syarak dan akal (logik)”. [Lihat: Petikan daripada kenyataan Majlis Tertinggi Ulama al-Azhar, bertarikh 3 April 2020. <https://www.facebook.com/978594902154603/posts/3372719042742165/?sfnsn=scwspwa&extid=xV282Ej5fLMH8Hwu>, dilayari pada 3 April 2020].*

4. Sehubungan itu, mereka yang mempunyai tanda-tanda sakit hendaklah memaklumkan seberapa segera kepada pihak berwajib di samping mengasingkan diri agar tidak bergaul dan bercampur dengan masyarakat dan menjalani prosedur rawatan yang ditetapkan. Sekiranya mereka tidak mengendahkan tuntutan mendapatkan rawatan, mereka akan menanggung dosa sekiranya penyakit tersebut merebak kepada orang lain melalui dirinya. Kewajipan ini tetap dipertanggungjawabkan sama ada berlaku dalam bulan Ramadan mahupun sebaliknya.

Siri Penerangan Fatwa 10

**KEDUDUKAN SAF
SOLAT JEMAAH KETIKA
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
(PKP COVID-19)**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2020 yang telah bersidang pada 22 April 2020M bersamaan 28 Syaaban 1441H telah memutuskan seperti berikut:

1. Diharuskan solat berjemaah secara berjarak-jarak bagi makmum dengan makmum yang bersebelahan pada waktu wabak sekiranya solat berjemaah itu masih lagi selamat daripada penularan wabak.
2. Pandangan hukum ini turut berkait dengan jarak saf solat berjemaah yang dilakukan oleh para imam, bilal dan siak bagi pelaksanaan solat berjemaah di masjid, surau, hospital dan tempat-tempat yang dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia yang menempatkan pesakit yang dikuarantin dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini.
3. Susunan saf adalah seperti ketetapan berikut:
 - a) Imam berada di hadapan seperti dalam solat jemaah biasa.
 - b) Jarak di antara imam dan makmum ialah satu (1) meter dan jarak di antara para makmum juga ialah satu (1) meter.

Beberapa pendalilan dan hujah yang berkaitan dengan perkara tersebut telah dibincangkan. Antaranya adalah seperti berikut;

a) Hukum Asal Merapatkan Saf

Hukum merapatkan saf adalah sunat dan merupakan salah satu daripada sunat-sunat *hai`ah*, bukanlah rukun atau sunat *ab`adh*, dalam sebuah hadis:

سَوُّوا صُفُوفَكُمْ فَإِنَّ تَسْوِيَةَ الصُّفُوفِ مِنْ إِقَامَةِ الصَّلَاةِ

Maksudnya: “Luruskan saf-saf kalian, kerana meluruskan saf termasuk dalam sebahagian menegakkan solat (berjemaah)”.

(Riwayat Bukhari, 690)

Daripada Abu Mas’ud رضي الله عنه berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ يَمْسَحُ مَنَاكِبَنَا فِي الصَّلَاةِ، وَيَقُولُ: اسْتَوُوا، وَلَا تَخْتَلِفُوا، فَتَخْتَلِفَ قُلُوبُكُمْ

Maksudnya: “Adapun Rasulullah ﷺ memegang bahu-bahu kami ketika hendak solat sambil berkata: Luruskanlah (saf kamu) dan jangan kamu berselisih sehingga hati kamu juga turut berselisih.”

(Riwayat Muslim, 432)

Daripada Abu Hurairah رضي الله عنه bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

وَسَطُوا الْإِمَامَ وَسُدُّوا الْخَلْلَ

Maksudnya: “Jadikanlah kedudukan imam berada di tengah dan tutuplah ruang-ruang kosong.”

(Riwayat Abu Daud, 681)

Demikian juga berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah Ibn Umar رضي الله عنه bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

وَلَا تَذَرُوا فُرْجَاتِ الشَّيْطَانِ وَمَنْ وَصَلَ صَفًّا وَصَلَهُ اللَّهُ وَمَنْ قَطَعَ صَفًّا قَطَعَهُ اللَّهُ

Maksudnya: “Janganlah kamu biarkan kekosongan (saf) itu untuk syaitan. Sesiapa yang menyambungkan saf Allah akan

menyambungkannya. Sesiapa yang memutuskan saf, Allah akan memutuskan dirinya.”

(Riwayat Abu Daud, 666)

Hukum asal bagi merenggangkan saf adalah dimakruhkan dan meluputkan pahala solat berjemaah, berdasarkan hadis-hadis di atas.

b) Hukum Merenggangkan Saf Disebabkan Keperluan

Namun begitu sekiranya merenggangkan saf dilakukan kerana keperluan, maka hal itu tidaklah makruh atau diharamkan. Ini berdasarkan kaedah:

الضَّرُورَاتُ تُبِيحُ الْمَحْظُورَاتِ

Maksudnya: “Perkara-perkara darurat itu mengharuskan perkara-perkara yang dilarang.” (Rujuk *Al-Asybah wa al-Nazha`ir*, hlm. 84)

Kaedah lain menyebutkan:

الْحَاجَةُ تَنْزِلُ مَنْزِلَةَ الضَّرُورَةِ عَامَّةً كَانَتْ أَوْ خَاصَّةً

Maksudnya: “Keperluan itu menduduki tempat darurat, pada peringkat umum atau khas.” (Rujuk *Al-Asybah wa al-Nazha`ir*, hlm. 88)

Oleh sebab itu, para ulama usul menggagaskan kaedah:

الكَرَاهَةُ تَزُولُ بِالْحَاجَةِ

Maksudnya: “Hukum makruh itu hilang apabila wujud keperluan” (Rujuk *Ma`lamah Zayed*, no. 267)

Perkara-perkara yang dimakruhkan dalam solat tidak menjadi makruh apabila terdapat keperluan untuk melalukannya. Contohnya, dalam hadis riwayat Abu Qatadah, bahawa Rasulullah ﷺ:

كَانَ يُصَلِّي وَهُوَ حَامِلٌ أُمَامَةَ بِنْتِ زَيْنَبَ بِنْتِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ وَ لِأَبِي الْعَاصِ بْنِ الرَّبِيعِ، فَإِذَا قَامَ حَمَلُهَا وَإِذَا سَجَدَ وَضَعَهَا

Maksudnya: “Pernah bersolat dalam keadaan mendokong Umamah bin Zainab binti Rasulullah ﷺ, anak Abu al-Aas bin al-Rabi`. Apabila baginda berdiri, baginda mendokongnya, dan apabila baginda sujud, baginda meletakkannya.”

(Riwayat Muslim, 543)

Berkata Imam al-Nawawi dalam *al-Minhaj Syarh Muslim* (jld. 5, hlm. 34): “Diharuskan untuk melakukan perbuatan yang sedikit dalam solat, maka jika langkah dua kali itu tidak membatalkan solat tetapi lebih utama tinggalkan melainkan ada keperluan, sesungguhnya pergerakan kerana keperluan itu tidak dimakruhkan seperti mana yang dilakukan oleh Nabi ﷺ. Hadis ini juga menunjukkan bahawa dibenarkan untuk imam solat atas tempat yang lebih tinggi daripada tempat makmum-makmum, tetapi hukumnya adalah dimakruhkan apabila tempat imam lebih tinggi atau tempat makmum lebih tinggi, melainkan kerana hajat. Maka jika ada hajat keperluan seperti tujuannya untuk mengajar perbuatan-perbuatan solat maka tidak dimakruhkan bahkan sunat berdasarkan hadis ini. Begitu juga apabila seorang makmum bertujuan mengajar makmum lain perbuatan solat imam yang memerlukan tempat yang tinggi.”

Syeikh Dr. Labib Najib Abdullah al-Adni, salah seorang ulama bermazhab al-Syafie dari Yaman apabila ditanya soalan yang serupa dalam laman webnya¹, beliau menjawab: “Aku jawab – dengan meminta pertolongan Allah Taala: bahawa solat sebegitu adalah sah. Perkara ini disebut oleh para ulama kita, Syafieyyah – semoga Allah merahmati mereka – bahawa apabila imam berkumpul dengan makmum dalam satu masjid maka sah *iqtida’* (solat berjemaah) dengan syarat makmum mengetahui perpindahan perbuatan-perbuatan imam, dan makmum tidak mendahului imam pada tempatnya. Ini yang menepati gambaran tersebut.



c) Isu Pahala Berjemaah

Di sisi al-Syihab al-Ramli: ya terhasil. Di sisi Ibn Hajar, tidak terhasil. Ibarat beliau di dalam *al-Minhaj al-Qowim* (hlm. 164): *“[dan] disunatkan [meluruskan saf dan menyuruhnya] bagi sesiapa sahaja [dan] juga [yang menjadi imam] sama ada dia sendiri atau orang yang diberi izin [lebih ditekankan] kerana mengikut (Nabi ﷺ) dan (menjauhi) ancaman yang dijanjikan bagi orang yang meninggalkan (meluruskan saf). Maksudnya di sini ialah dengan menyempurnakan saf pertama dan seterusnya, menutup ruang-ruang kosong, dan setiap orang berdiri saling bersebelahan dari sudut tiada seseorang lebih terhadapan adanya berbanding yang lain, tidak berada di atas orang lain yang bersebelahan (seperti memijak kaki), dan tidak segera membuat saf kedua sehingga saf pertama sempurna dahulu, dan tidak juga berdiri dalam suatu saf sehingga sempurna saf yang*

¹ <https://dr-labeeb.com/ال-فضلاء-عن-صحة-الصلاة-بالشكل-ال-#more-335>

sebelumnya. Jika diselisihi satu apa pun daripada peraturan itu, maka hukumnya dimakruhkan.” *Intaha*.

Berkata al-Tarmasi secara *ta`liq* dalam perkataannya (***Hasyiah al-Tarmasi***, jld.4, hlm.41): “*yakni luputlah fadilat berjemaah di sisi pensyarah (yakni Imam Ibn Hajar), manakala di sisi al-Syihad al-Ramli: Setiap perkara yang makruh dalam solat berjemaah meluputkan fadhilatnya melainkan hukum meluruskan saf-saf.*” *Intaha*.

Perkara yang sama juga disebut oleh al-Allamah Ba ‘Isyn  dalam *Busyra al-Karim* (hlm. 362). Aku (yakni Dr. Labib) berkata daripada perspektif fiqh: “*Barangkali hukum makruh di sini hilang di sisi al-Allamah Ibn Hajar al-Haitami  apabila keadaannya berlaku akibat hajat dalam melakukannya. Wallahua`lam.*”

Berdasarkan kenyataan dan fakta di atas, adalah diharuskan solat berjemaah secara berjarak-jarak bagi makmum dengan makmum yang bersebelahan pada waktu wabak sekiranya solat berjemaah itu masih lagi selamat daripada penularan wabak. Oleh itu, keharusan menggunakan cadangan ini tertakluk kepada kebenaran pihak kerajaan selaku *Uliil Amri* supaya ia tidak menjadi sebab bagi penularan penyakit dan mendatangkan mudarat kepada pihak yang tidak bersalah. Justeru, jika solat berjemaah itu boleh membawa kepada penularan wabak maka solat berjemaah itu sendiri tidak boleh dilaksanakan.

Siri Penerangan Fatwa 11

**HUKUM MENGUNDI
PILIHAN RAYA BAGI
PESAKIT COVID-19**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 5/2020 yang telah bersidang pada 21 & 22 Oktober 2020^M memutuskan seperti berikut:

1. Pesakit COVID yang layak mengundi adalah wajib menunaikan segala tanggungjawab terhadap negara termasuk mengundi dalam pilihan raya.
2. Pihak kerajaan hendaklah menyediakan kemudahan selayaknya bagi pesakit menunaikan hak mereka selaku warga negara.

IRSYAD FATWA COVID-19



Buku ringkas berkaitan COVID-19 ini merupakan himpunan pandangan hukum yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang berkaitan dengan permasalahan yang timbul kesan COVID-19. Antaranya adalah berkaitan aktiviti Solat Fardu dan Solat Jumaat, kedudukan saf solat, hukum *swab test* pada bulan Ramadan dan lain-lain lagi. Kesemua pandangan hukum ini dikeluarkan bagi memudahkan masyarakat untuk beribadah serta menghilangkan kekeliruan masyarakat berkaitan dengan isu COVID-19 ini.



Diterbitkan oleh :

JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG

Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang

Tel : 04 263 2975 Faks : 04 263 2985

Web : <http://mufti.penang.gov.my>

Emel: mufti@penang.gov.my